

18 NOV, 2021

## Program Rezeki Tani tingkat pendapatan usahawan di Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

# Program Rezeki Tani tingkat pendapatan usahawan di Sabah

KENINGAU: Bermula dengan mengeluarkan sekitar 150 kilogram (kg) keropok 'jejari manis' sebulan, seorang usahawan di sini Ruhaineh Ajak, 46, berharap dapat meningkatkan pengeluaran dan pendapatan setelah dipilih sebagai peserta Program Rezeki Tani.

Pemilik perniagaan Ruhaineh Enterprise itu berharap mampu meningkatkan pengeluaran kepada 500 kg produk itu sebulan dengan purata pendapatan RM5,000 yang dibantu oleh dua pekerja.

Beliau yang mengusahakan perniagaan itu sejak empat tahun lalu berkata, terdapat empat perisa keropok jejari manis dikeluarkan iaitu susu, keju, balado dan gula merah yang dijual pada harga RM5 setiap satu pek seberat 400 gram.

"Setakat ini, saya hanya mempromosikan produk saya menerusi laman sosial seperti Facebook dan WhatsApp. Para pelanggan di sekitar Keningau yang membuat tempahan akan datang mengambil produk jualan saya di rumah pada setiap hujung minggu.

"Saya merancang untuk menjual produk saya ke pasar raya mini dengan harapan ia akan lebih maju. Selain itu, saya juga mahu mengajak komuniti setempat terutama golongan wanita untuk bersama-sama belajar dan menimba pengetahuan membuka perniagaan secara kecil-kecilan," katanya kepada Bernama.

Usahawan dari Kampung Skim Pamalan Liawan, dekat sini ditemui selepas menerima bantuan set peralatan termasuk mesin membuat keropok bernilai RM8,400 menerusi Program Rezeki Tani yang disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Badrul Hisham Mohd baru-baru ini.

Meskipun tidak menyangka terpilih menjadi antara peserta program berkenaan, namun, ibu kepada tujuh anak itu melahirkan rasa syukur dan terharu atas rezeki yang disifatkannya sebagai batu loncatan untuk meningkatkan produktiviti sekali gus melonjakkan lagi potensi produknya itu ke daerah lain di Sabah.

Beliau tidak menyangka dengan menjual keropok jejari manis dapat menjadi sumber rezeki untuk dirinya menampung



RUHAINEH menunjukkan produk jualannya yang dipasarkan secara kecil-kecilan.

perbelanjaan persekolahan anak-anak yang mampu bertahan sehingga sekarang.

"Saya mengusahakan produk ini secara kecil-kecilan di rumah dan belum pernah menerima apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak. Pada masa sekarang, saya membuat keropok ini secara manual dan atas sebab itulah pengeluarannya sangat terhad. Pembungkusan juga saya buat sendiri dengan bantuan anak-anak.

"Sehubungan itu saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan pihak kerajaan kerana dengan adanya bantuan set peralatan mesin ini nanti, saya optimis akan dapat meningkatkan pengeluaran, mempelbagaikan produk dan mengembangkan pasaran keropok jejari manis pada masa hadapan," katanya.

Selain Ruhaineh, seorang lagi usahawan wanita Keningau, Noriani Roslan dari Kampung Sondoton Baru turut menerima bantuan peralatan mesin mengoreng, kanopi dan peralatan dapur bernilai RM8,800 menerusi program itu bagi menjalankan perniagaan makanan yang telah diusahakannya selama 10 tahun.

Rezeki Tani program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan dijenamakan semula daripada Program Azam Tani dengan beberapa agensi Mafi ditugaskan melaksanakan inisiatif itu termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama). Objektifnya membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui projek-projek ekonomi melibatkan aktiviti pertanian dan agromakanan, selain memperkasa ilmu pengetahuan, kemahiran dan daya saing melalui latihan yang dianjurkan di bawah program itu bertujuan membantu mengeluarkan peserta dari parsa kemiskinan. – Bernama



18 NOV, 2021

## Program Rezeki Tani tingkat pendapatan usahawan di Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KFNtNGAII: Ilermula dengan mengeluarkan sekitar 150 kilogram (kg) keropok'jejari manis' sebulan, seorang usahawan di sini Kuhaineh Ajak, /|i, berharap dapat meningkatkan pengeluaran dan pendapatan selelah dip iili sebagai peserta Program Rezeki Tani. Peniilik perniagaan Ruhaineh linterprise itu berharap mampu meningkatkan pengeluaran kepad.i ' j o o k g produk itu sebulan

dengan purata pendapatan RM5,oooyangdibantu oleh dua pekerja.